

UMAT ISLAM JADI COTOH

Quran mengajar kebaikan—Dr. M



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) merasmikan mesyuarat wakil-wakil negeri dan ahli Jawatankuasa Pusat

Musababah Membaca Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa di Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini berkata rakyat terutama orang-orang Islam, seharusnya menjadi contoh sebagai golongan berani, cekap dan bersih.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap orang Islam khususnya akan mempunyai semangat dan dedikasi terhadap kerja yang berbandukan ajaran Quran supaya segala ilmu dan sikap rajin bekerja membawa kejayaan.

"Al-Quran mengajar kebaikan dan saya yakin

semua penduduk yang bukan beragama Islam juga berminat kepada kebaikkan," katanya semasa merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Musababah al-Quran di Bilik Gerakan Negara di sini.

Bellau menyedari hakikat bahawa ajaran al-Quran tidak dapat diserapkan "sekaligus," tetapi berpandangan bahawa aspek penting dalam kitab suci itu patut diserapkan di dalam kehidupan semua penduduk tanpa mengira agama mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir memilih cogan kata "Disiplin dan Kesungguhan Bekerja Dalam Islam" sebagai tema Musababah Membaca al-Quran tahun ini.

"Saya tidak yakin Islam hanya mengajar umatnya beribadat dan membaca Quran tetapi juga mengajar kebaikan kepada orang lain yang kelak akan membawa kebahagiaan kepada negara dan

bangsa," tegas beliau.

"Orang Islam di zaman Nabi tahu membuat perahu dan tengok Kompas untuk belayar dan kerana merekalah kita hari ini dapat berkumpul untuk bermesyuarat mengenai kegiatan agama Islam dan tidak agama lain."

Disiplin

Datuk Seri Dr. Mahathir mengena orang Islam jangan menira cara barat yang hanya mementingkan diri sendiri dengan melancarkan mogok jika tidak mendapat gaji tanpa memperdulikan kebaikan orang lain.

Bellau mengagakan "berbuat untuk diri sendiri" dan membelakangkan masyarakat yang dilimpit dari barat itu tidak ada tempat dalam ajaran Islam kerana Al-Quran sentiasa mementingkan "disiplin diri" untuk kesejahteraan rakyat dan bangsa.

Katanya, disiplin diri menerusi mengawal nafsu perlu

diamalkan kerana tanpanya negara tidak akan stabil dan rakatnya huru-hara.

"Kita mempunyai negara, pemerintah dan kuasa dan ini harus dipertahankan dengan bekerja bersungguh-sungguh agar masyarakat menjadi kuat, kukuh dan berdisiplin," tambah beliau.

Sebelum itu, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musababah, Tati Sri Syed Nasir Jamali menekankan perlunya perubahan diadakan dalam musababah membaca Al-Quran yang akan memasuki tahun ke-25 bagi peringkat kebangsaan tahun depan dan tahun ke-24 bagi peringkat antarabangsa.

Katanya, pengaruh kegiatan Islam ini telah meluas sehingga menembusi ke negara luar yang bukan Islam sehingga Malaysia mendapat pulisan negara Arab sebagai pusat perkembangan Al-Quran dan fuara dalam musababah membaca ayat suci itu.

Kira-kira 42 buah negara akan menghadrati musababah peringkat antarabangsa yang akan diadakan selama lima hari mulai 8 Julai. Pertandingan peringkat negeri dijadualkan pada pertengahan Jun bergantung kepada keputusan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir mahukan musababah membaca Al-Quran dibuat dalam bentuk baru yang mengutamakan "suasana khuyuik" untuk memberi gambaran lebih baik terhadap isi kandungan kitab suci itu.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu dibuat mulai musababah tahun ini supaya ajaran Al-Quran dapat dijadikan sebahagian besar daripada usaha kerajaan untuk mengembangkan syiar Islam di kalangan semua penduduk di negeri ini dan di dunia luar.

Tegasnya, tumpuan sepenuhnya hendaklah diberikan terhadap tafsiran dan terjemahan semasa musababah Al-Quran dijalankan untuk memastikan semua menghayati ajaran Islam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia